

25 JUN 2003

Ling-Bantu/I

DR LING SEDIA BATU CHAN KONG CHOY

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Bekas presiden MCA dan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata beliau sedia membantu Datuk Chan Kong Choy yang baru dilantik menggantikannya menjalankan tugas kementerian.

Dr Ling berkata ia terutamanya bagi membantu Chan mendapat gambaran keseluruhan mengenai Kementerian Pengangkutan kerana ia boleh memendekkan masa dan proses belajar Chan selaku Menteri Pengangkutan.

"Saya boleh nyatakan apakah masalahnya, bagaimana menyelesaikannya, masalah perkapalan, pelabuhan dan syarikat penerbangan..."

"Saya suka untuk membantu kerana ia adakah untuk parti, negara dan kementerian," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan cek kepada Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di Pusat Penyiaran All Asia (ASTRO) di sini.

Dr Ling yang juga pengerusi UTAR menerima cek bernilai RM10 juta untuk tabung universiti itu daripada Usaha Tegas Group, syarikat induk Astro, Tanjung Public Limited Company dan Maxis, yang diwakili pengarah kumpulan, Tan Poh Chin.

Dr Ling berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Chan semalam beliau akan menemuinya (Dr Ling) secepat mungkin bagi mendapatkan gambaran keseluruhan Kementerian Pengangkutan memadamkan Dr Ling sudah berkhidmat di kementerian itu hampir 22 tahun.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pelantikan Timbalan Menteri Kewangan Kedua itu sebagai Menteri Pengangkutan yang baru, menggantikan Dr Ling.

Pelantikan itu dibuat dalam rombakan kecil kabinet yang kebanyakannya membabitkan pemimpin MCA dengan Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Dr Ng Yen Yen menggantikan Chan sebagai Timbalan Menteri Kewangan Kedua dan Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Fu Ah Kiow mengambil alih kedudukan Dr Ng.

Dr Mahathir juga mengumumkan pelantikan dua anggota MCA lain -- Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan Datuk Donald Lim Siang Chai sebagai Timbalan Menteri Penerangan dan Ahli Parlimen Ipoh Barat Datuk Ho Cheong Sing sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Ditanya mengenai tambahan jawatan timbalan menteri untuk MCA, Dr Ling berkata beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri yang telah memberikan parti itu peranan yang lebih besar dan beliau memberi jaminan bahawa semua anggota MCA dalam Kabinet akan bekerja keras melaksanakan tanggungjawab mereka.

Ditanya sama ada barisan baru itu dianggap sebagai "tindakan mengimbangi" dalam MCA berikutan parti itu baru pulih daripada krisis dalaman yang berlarutan selama 14 bulan, Dr Ling menegaskan tiada ada lagi puak dalam parti kerana anggota melihat MCA sebagai satu parti.

"Bila lihat keseluruhan MCA (sebagai parti yang bersatu), pastinya anda akan melihat (pelantikan ini) agak seimbang," katanya.

Chan dan Fu sebelum ini dikaitan dengan bekas timbalan presiden Datuk Seri Lim Ah Lek atau dikenali sebagai "Team B" manakala Donald Lim, Ng dan Ho adalah penyokong kuat Dr Ling atau "Team A".

-- BERNAMA

AT MUN LAT